

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN
(IPOH BARAT)
TARIKH : 2 MAC 2022 (RABU)

SOALAN NO. 77

TUAN M. KULASEGARAN (IPOH BARAT) minta MENTERI PERPADUAN NEGARA menyatakan :-

- a) apakah yang telah dilakukan oleh Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) untuk menaikkan taraf sosial dan ekonomi kaum India di negara ini dan sejauh manakah kejayaan mereka; dan
- b) mengapakah MITRA dianggap gagal menangani isu masyarakat India.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penubuhan MITRA adalah bermatlamatkan untuk membantu meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat India B40. Bagi tujuan tersebut, MITRA melaksanakan pelbagai program pembangunan sosioekonomi melalui **tiga (3) kluster** iaitu:
 - i. Modal Insan,
 - ii. Keusahawanan; dan
 - iii. Kesejahteraan Sosial.
2. Seramai **992,406 orang** telah **menerima manfaat** hasil dari pelbagai latihan serta bantuan melalui program-program yang telah dilaksanakan bagi tahun 2020 dan 2021, iaitu dalam tempoh MITRA di bawah Kementerian Perpaduan Negara.
3. Pada tahun 2021, Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia juga telah membangunkan **Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI)** sebagai panduan pelaksanaan program bagi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India B40.
4. Bagi memastikan terdapatnya penyelarasan usaha-usaha pembangunan sosioekonomi masyarakat India secara menyeluruh, **kerajaan telah bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.** Jawatankuasa ini akan diurusetiaikan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI (RAUB)
TARIKH : 8 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN NO. 4

TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI (RAUB) minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan kebakaran melibatkan berpuluh buah rumah kerap berlaku di kawasan kampung baru di seluruh Malaysia, yang terakhir pada tahun lepas berlaku di Kampung Baru Karak, Pahang. Adakah pihak Kerajaan Pusat bercadang melaksanakan program dana pinjaman kepada penduduk kampung baru, supaya dapat menukar bahan binaan kepada jenis tahan rintangan kebakaran. Seterusnya mengelakkan kejadian kebakaran besar-besaran, sesuai dengan slogan "Keluarga Malaysia".

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peranan dan fungsi Bahagian Kampung Baru Cina telah dipindahkan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ke Kementerian Perpaduan Negara **berkuatkuasa pada 1 Januari 2022**.
2. Bahagian Kampung Baru Cina telah diperuntukkan **RM10 juta** untuk **Skim Pinjaman Penduduk Kampung Baru Cina** bagi **tahun 2022**. Penduduk kampung baru boleh membuat permohonan baikpulih atau naiktaraf rumah di bawah skim pinjaman tersebut melalui **Bank Simpanan Nasional (BSN)** dengan **jumlah pinjaman maksimum sebanyak RM100,000 dan kadar faedah 4%**.
3. Selain itu, Kementerian ini juga memberikan bantuan baikpulih rumah kepada mangsa-mangsa bencana melalui **Program Bantuan Balik Pulih Rumah (PBBPR)** dengan had siling bantuan sebanyak **RM15 ribu**. Permohonan bantuan perlu dikemukakan melalui Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) masing-masing untuk pertimbangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU (BATU GAJAH)
TARIKH : 8 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN NO. 31

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan bagaimanakah RM100 juta yang diperuntukkan kepada MITRA dalam Belanjawan 2022 akan dibelanjakan pada tahun ini. Apakah program-program pembangunan sosioekonomi kaum India yang telah dirangka dan berapa jumlah wang akan digunakan untuk membayar 'hutang' terdahulu daripada peruntukan RM 100 juta itu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2021, Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia juga telah membangunkan **Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI)** sebagai panduan pelaksanaan program bagi meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat India B40.
2. **Pelaksanaan program bagi tahun 2022 untuk meningkatkan taraf sosioekonomi** masyarakat India B40 adalah **berdasarkan lima (5) Tunjang** utama PTMI seperti berikut:
 - i. **Tunjang 1: Memperkasakan Keperluan Asas**
 - ii. **Tunjang 2: Meningkatkan Kemenjadian Setiap Kanak-kanak**
 - iii. **Tunjang 3: Menaik taraf Ekonomi & Keusahawanan**
 - iv. **Tunjang 4: Memperkasakan Keterangkuman Sosial**
 - v. **Tunjang 5: Memperkasakan Wanita Ke Arah Kesaksamaan Gender**
3. Terdapat program tahun 2021 yang masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2022. Oleh yang demikian, baki anggaran bayaran yang akan dilakukan menggunakan peruntukan tahun 2022 adalah sebanyak RM300,000.00.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
(SEKIJANG)
TARIKH : 14 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN NO. 10

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL (SEKIJANG) minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan jumlah Tabika Perpaduan di seluruh negara dan adakah kewujudan Tabika Perpaduan ini telah berjaya memupuk semangat perpaduan yang tinggi dalam kalangan murid.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, terdapat sebanyak **1,781 buah Tabika Perpaduan** di seluruh negara dengan jumlah keseluruhan murid berdaftar seramai **37,319 orang**.
2. Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** pada **24 Julai 2021** bagi memperkukuhkan peranan Tabika Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam usaha memperkembangkan potensi serta melahirkan murid yang mempunyai semangat patriotisme.
3. Melalui Pelan ini, **Program pengajaran dan pembelajaran Tabika Perpaduan** memfokuskan kepada penghayatan pendidikan Rukun Negara dan penerapan nilai-nilai murni.
4. **Bagi pembukaan Tabika Perpaduan yang baharu, Kementerian Perpaduan Negara telah menambahbaik kriteria dan syarat penubuhan** dengan menetapkan **komposisi kaum** sebagai kriteria utama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM (TAMPIN)
TARIKH : 23 MAC 2022 (RABU)

SOALAN NO. 12

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM (TAMPIN) minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan tahap indeks perpaduan negara, apakah Kementerian berpuas hati dengan pencapaian tersebut, dan bagaimana Kementerian mengolah serta melaksanakan dasar hidup bersama dalam kepelbagaian kaum dan etnik di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama **Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)** sedang melaksanakan kajian **Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)**.
2. Tujuan utama pelaksanaan **kajian IPNas** adalah **untuk membangunkan satu kaedah dan instrument** bagi:
 - (i) Mengukur tahap perpaduan dan keadaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia;
 - (ii) Mengukur tahap keharmonian antara agama di Malaysia; dan
 - (iii) Mencadangkan strategi dan usaha-usaha bagi memantapkan tahap perpaduan di Malaysia berdasarkan hasil dapatan kajian.
3. Penandaarasan kajian ini dibuat berdasarkan **kajian yang telah dilaksanakan di negara-negara seperti New Zealand, Kanada serta *Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion* di Australia** di mana negara-negara ini turut menggunakan konsep asas yang sama iaitu **kesepaduan sosial**.
4. IPNas merupakan **kayu pengukur yang memberikan petunjuk tahap kesepaduan nasional** bagi membolehkan Kerajaan mengenalpasti dan merancang strategi, usaha dan program intervensi yang sesuai dengan hasrat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berfikir dan membudayakan perpaduan.
5. Kajian ini dijangka **siap sepenuhnya pada Jun 2022**.
6. Bagi mencapai agenda perpaduan dan integrasi nasional dalam kepelbagaian kaum dan etnik di negara ini, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan **Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030**.

7. Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** telah dihasilkan. Pelan ini merupakan **pelan induk (*master plan*)** yang menggariskan program-program di bawah agenda perpaduan melibatkan pelbagai agensi sama ada yang berperanan sebagai peneraju atau pelaksana kepada program-program tersebut.
8. Manakala, **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025** merupakan pelan pelaksanaan yang melibatkan program-program di bawah kendalian Kementerian Perpaduan Negara.
9. Pelaksanaan program di bawah **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025** memfokuskan kepada empat (4) dimensi utama iaitu:
 - i. Karib;
 - ii. Aksesibiliti;
 - iii. Majmuk; dan
 - iv. Inklusiviti.
10. Program-program yang dilaksanakan di bawah **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia** adalah selari dengan aspirasi Keluarga Malaysia yang menekankan konsep Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB BUKAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : SENATOR DATUK TEO ENG TEE @ TEO
KOK CHEE**

SOALAN NO. 27

SENATOR DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan penilaian terhadap tahap kepuasan perpaduan dan patriotisme dan agenda menggerakkan konsep Bangsa Malaysia dalam kalangan rakyat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama **Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**, sedang melaksanakan **Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)**.
2. IPNas merupakan indeks kayu pengukur yang memberikan petunjuk tahap kesepaduan nasional bagi membolehkan Kerajaan:
 - (i) Mengukur **tahap perpaduan negara di peringkat nasional dan mengikut negeri**;
 - (ii) Mengukur **tahap perpaduan hubungan masyarakat pelbagai etnik** di Malaysia;
 - (iii) Mengukur **tahap perpaduan antara agama** di Malaysia; dan
 - (iv) Mengenal pasti dan merancang strategi, usaha dan program intervensi yang sesuai dengan hasrat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berfikir dan membudayakan perpaduan.
3. Kementerian Perpaduan Negara memainkan peranan sebagai peneraju agenda perpaduan nasional yang bersifat inklusif merentasi pelbagai golongan masyarakat demi kemakmuran bersama.
4. Agenda ini dilaksanakan melalui pelbagai usaha penyatupaduan untuk membina, memperkukuh dan mengekalkan tapak integrasi sebagai landasan hubungan muhibah di kalangan rakyat selari dengan **Aspirasi Keluarga Malaysia**.
5. Untuk itu, **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** telah dihasilkan dengan menetapkan **tiga (3) teras utama** iaitu:

- i) Patriotisme dan demokrasi;
 - ii) Identiti nasional; dan
 - iii) Ekosistem perpaduan.
6. **Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030** pula menggariskan anjakan strategik bagi mencapai objektif yang terkandung di dalam Dasar Perpaduan Negara (DPN) secara komprehensif.
7. Bagi menterjemahkan strategi yang digariskan melalui dokumen dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** telah dihasilkan. Ia merupakan pelan induk tindakan perpaduan yang menyusun pelbagai program melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.
8. Bagi memastikan dasar dan pelan tindakan tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan, Kementerian Perpaduan Negara juga telah menghasilkan pelan **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025**.
9. Pelan ini memberi tumpuan kepada empat (4) dimensi utama iaitu **Karib, Aksesibiliti, Majmuk dan Inklusiviti** yang ringkasnya dinamakan "KAMI" sebagai simbolik kepada nilai kebersamaan dan meraikan perbezaan yang ada dalam Keluarga Malaysia.
10. Dengan penghasilan dokumen dasar dan pelan tindakan ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)
DARIPADA : TUAN STEVEN CHONG SHIAU YOON
(TEBRAU)**

SOALAN NO. 114

TUAN STEVEN CHONG SHIAU YOON (TEBRAU) minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapa mediator komuniti telah dilantik di seluruh Malaysia sehingga 31 Disember serta bilangan kes yang diterima, diselesaikan dan dalam proses serta tidak ada tindakan diperlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- 1) Sehingga 31 Disember 2021, terdapat seramai 400 orang Mediator Komuniti di seluruh negara seperti di Lampiran A.**
- 2) Statistik kes yang telah diterima daripada Mac 2020 sehingga Disember 2021 adalah sebanyak 1134 kes seperti di Lampiran B.**

**BILANGAN MEDIATOR KOMUNITI MENGIKUT NEGERI DI
SELURUH NEGARA**

BIL	NEGERI	JUMLAH
1	SELANGOR	83
2	SABAH	65
3	SARAWAK	9
4	JOHOR	18
5	PERAK	25
6	PAHANG	12
7	PULAU PINANG	49
8	TERENGGANU	12
9	KEDAH	16
10	KELANTAN	12
11	NEGERI SEMBILAN	30
12	W.P KUALA LUMPUR	32
13	MELAKA	8
14	PERLIS	13
15	W.P PUTRAJAYA	13
16	W.P LABUAN	3
JUMLAH KESELURUHAN		400

LAMPIRAN B**KES MEDIASI BAGI TAHUN 2015 SEHINGGA 2021
SEBELUM MENGIKUT PENUBUHAN
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

KES MEDIASI MENGIKUT TAHUN (2020-2021)				
BIL	NEGERI	2020	2021	JUMLAH
1	SELANGOR	2	1	3
2	SABAH	2	0	2
3	SARAWAK	0	0	0
4	JOHOR	0	0	0
5	PERAK	1	0	1
6	PAHANG	1	0	1
7	PULAU PINANG	3	0	3
8	TERENGGANU	3	4	7
9	KEDAH	0	0	0
10	KELANTAN	0	0	0
11	NEGERI SEMBILAN	0	0	0
12	W.P KUALA LUMPUR	44	35	79
13	MELAKA	8	2	10
14	PERLIS	1	0	1
15	W.P PUTRAJAYA	0	0	0
16	W.P LABUAN	0	0	0
JUMLAH		65	42	107

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

SOALAN NO. 184

Puan Kasthuriraani A/P Patto minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan secara terperinci nama anggota dalam Jawatankuasa Penilaian Geran MITRA serta keanggotaan 2 jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menilai permohonan yang diterima dan membuat pemantauan ke atas pelaksanaan program yang telah diluluskan serta senaraikan bilangan permohonan untuk dana MITRA serta senaraikan dengan terperinci jumlah, jenis projek serta penerima dana MITRA pada tahun 2021.

JAWAPAN

Yang Dipertua

1. **Terdapat dua (2) buah Jawatankuasa** yang bertanggungjawab untuk menilai, meneliti serta mempertimbangkan kelulusan ke atas cadangan program **yang diterima dan juga melakukan penilaian. Jawatankuasa Penilaian adalah** seperti berikut:

I. Jawatankuasa Penilaian Program KPN

Fungsi Jawatankuasa

1. Melaksanakan penilaian cadangan program terutamanya dari segi Skop program, objektif program, agensi pelaksana, kos terlibat, kumpulan sasaran, tempoh pelaksanaan, kaedah pelaksanaan dan outcome program;
2. Memuktamadkan keutamaan sesuatu program;
3. Memuktamadkan tatacara perolehan dan kaedah perolehan;
4. Memuktamadkan bajet setiap program;
5. Memuktamadkan penilaian keseluruhan cadangan program; dan
6. Memuktamadkan cadangan program-program yang dirancang.

Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

Ahli-ahli

Timbalan Ketua Setiausaha;

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan);

Setiausaha Bahagian (Dasar dan Hubungan Antarabangsa);

Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan);

Setiausaha Bahagian (Pembangunan Masyarakat);

Penasihat Undang-undang; dan

Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Kewangan dan Akaun.

II. Jawatankuasa Pemantauan Program KPN

Fungsi Jawatankuasa

1. Memastikan program dilaksanakan mengikut kelulusan Jawatankuasa Penilaian Program;
2. Mengadakan pemantauan di tapak atau lokasi dilaksanakan;
3. Menilai laporan pelaksanaan program daripada agensi pelaksana dan bahagian/unit berkaitan di Kementerian Perpaduan Negara;
4. Menilai laporan outcome program yang disediakan oleh agensi pelaksana;

5. Memuktamadkan nilai pembayaran kepada agensi pelaksana;
6. Memuktamadkan laporan kewangan yang diterima daripada agensi pelaksana dan bahagian/unit berkaitan di Kementerian Perpaduan Negara; dan
7. Memuktamadkan laporan penuh pelaksanaan program oleh Unit Audit Dalam Kementerian.

Ahli Jawatankuasa

Pengerusi

Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara

Ahli-ahli

Timbalan Ketua Setiausaha;

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan);

Setiausaha Bahagian (Dasar dan Hubungan Antarabangsa);

Setiausaha Bahagian (Khidmat Pengurusan);

Setiausaha Bahagian (Pembangunan Masyarakat);

Penasihat Undang-undang;

Ketua Unit Audit Dalam;

Ketua Unit Integriti; dan

Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Kewangan dan Perolehan.

2. Bagi soalan berkaitan dana dan projek MITRA, pihak **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang menjalankan siasatan. Siasatan yang dijalankan melibatkan dua (2) perkara, iaitu unsur jenayah dan kelemahan proses kerja.** SPRM juga telah mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan untuk memperkukuhkan proses pengurusan geran MITRA.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)
DARIPADA : TUAN SANISVARA NETHAJI A/L RAJAJI
(JELUTONG)**

SOALAN NO. 393

TUAN SANISVARA NETHAJI A/L RAJAJI (JELUTONG) minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan kenapa layanan istimewa diberikan kepada pemimpin-pemimpin MIC semasa Thaipusam 2022 di Batu Caves, Kuala Lumpur walaupun rakyat biasa diminta mematuhi SOP ketat di seluruh negara ketika pergi ke kuil untuk sembahyang semasa Perayaan Thaipusam 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada 11 Januari 2022 telah meluluskan **SOP Sambutan Perayaan Thaipusam dalam Tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 4.**
2. Kedua-dua SOP tersebut menetapkan **tatacara bagi tanggungjawab individu dan tanggungjawab pihak pengurusan rumah ibadat selain Islam yang perlu dipatuhi.**
3. Urusan sambutan perayaan di rumah ibadat selain Islam adalah **di bawah tanggungjawab pihak pengurusan rumah ibadat berkenaan dengan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan.**
4. Ketidakpatuhan dan pelanggaran SOP Thaipusam yang ditetapkan boleh diambil tindakan oleh **pihak penguatkuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).**

MAKLUMAT TAMBAHAN

SOP THAIPUSAM 2022 DI KUIL BATU CAVES

Upacara Sembahyang

Kehadiran penganut untuk upacara sembahyang dari 16hb Januari hingga 19hb Januari 2022 adalah seperti berikut:

a) Kuil Sri Subramaniam Swamy Temple Batu Caves, Selangor:

- i. tidak melebihi 6,000 orang setiap hari. Jumlah ini meliputi keseluruhan kawasan kuil Batu Caves;
- ii. 12 sesi sembahyang setiap hari pada 16hb, 17hb dan 19hb Januari 2022 bermula dari jam 5.00 pagi hingga 5.00 petang dengan jumlah maksima sehari tidak melebihi 6,000;
- iii. 18 sesi sembahyang pada 18hb Januari 2022 bermula dari jam 5.00 pagi hingga 11.00 malam dengan jumlah maksima sehari tidak melebihi 6,000;
- iv. Setiap sesi sembahyang adalah selama 30 minit dan diikuti dengan 30 minit kerja-kerja sanitasi selepas itu; dan
- v. tidak melebihi 500 orang bagi setiap satu sesi.

Perjalanan dan pergerakan kereta Chariot

Tanggungjawab Pengiring Kereta Chariot:

Kehadiran pengiring untuk perjalanan dan pergerakan kereta Chariot dari 16hb Januari hingga 19hb Januari 2022 adalah seperti berikut:

a) Kuil Sri Subramaniam Swamy Temple Batu Caves, Selangor:

- i. Tidak melebihi 100 orang pengiring yang terdiri daripada pihak pengurusan kuil sahaja; dan
- ii. Tidak melebihi 10 lokasi perhentian yang telah mendapat kelulusan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Daerah.

Membawa Paal Koodam (belanga berisi susu)

a) Kuil Sri Subramaniam Swamy Temple Batu Caves, Selangor:

- i. Tidak melebihi 100 orang pada satu-satu masa; dan
- ii. Setiap sesi adalah selama 30 minit dan diikuti dengan 30 minit kerja-kerja sanitasi selepas itu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 22 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN NO. 48

TUAN AKNAN EHTOOK minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah inisiatif yang diambil oleh Kementerian untuk mengiktiraf pemimpin agama selain Islam di peringkat negeri dan sejauh manakah mereka ini dilibatkan dalam membincangkan hal-hal berkaitan kepentingan penganut agama-agama lain seperti keperluan kewangan dan pendidikan agama kepada generasi muda.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1) Kerajaan telah mengambil inisiatif bagi mewujudkan keharmonian di antara pemimpin badan agama dan penganut seperti berikut:

i. Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Selain Islam

- Jawatankuasa ini merupakan platform yang diwujudkan oleh Kementerian Perpaduan Negara untuk mendapatkan pandangan dan nasihat berhubung hal ehwal agama selain Islam.
- Jawatankuasa HARMONI selain Islam ini terdiri daripada YB Menteri Perpaduan Negara sebagai pengerusi dan 14 orang pemimpin badan-badan agama.
- Komposisi Ahli Jawatankuasa HARMONI selain Islam adalah seperti berikut:

BIL	AGAMA	BILANGAN
1	Kristian	4
2	Buddha	4
3	Hindu	2
4	Sikh	1
5	Tao	2
6	Baha'i	1
JUMLAH		14

ii. Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) Bersama JAKIM

- Jawatankuasa ini merupakan platform yang diwujudkan untuk mengukuhkan dan meningkatkan keharmonian antara badan-badan agama Islam dan bukan Islam serta berkongsi pandangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.
- Jawatankuasa HARMONI bersama JAKIM ini terdiri daripada YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Menteri Perpaduan Negara dan 24 orang pemimpin badan-badan agama.
- Komposisi Ahli Jawatankuasa HARMONI Bersama JAKIM adalah seperti berikut:

BIL	AGAMA	BILANGAN
1	Islam	10
2	Kristian	4
3	Buddha	4
4	Hindu	2
5	Sikh	1
6	Tao	2
7	Baha'i	1
JUMLAH		14

- iii. Pihak Kementerian Perpaduan Negara bersama Kerajaan Negeri telah mewujudkan jawatankuasa berkaitan hal ehwal

selain Islam. (Senarai dan fungsi Jawatankuasa di **LAMPIRAN A**).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO ZAIEDI HAJI SUHAILI
TARIKH : 22 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN NO. 56

Dato Zaiedi Haji Suhaili minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah capaian dan kelajuan internet semasa yang diperuntukkan bagi setiap Tabika Perpaduan dan Tabika Genius Perpaduan di seluruh negara dan sejauh manakah persediaan pendidikan secara dalam talian diberi perhatian setelah sesi pendidikan secara fizikal tidak dapat diadakan akibat penularan COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan pengajaran melalui talian akibat daripada pandemik Covid-19 bagi 1,781 buah Tabika Perpaduan dan 41 Taska Genius Perpaduan. **Bagi tujuan tersebut, Kementerian Perpaduan Negara telah menyediakan Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR)**
2. Semua 1,781 buah Tabika Perpaduan dan 41 buah Taska Genius Perpaduan mempunyai rangkaian capaian internet. Sebanyak 872 Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan mempunyai rangkaian **capaian internet dengan kadar kelajuan melebihi 30 Mbps. Manakala 950 Tabika Perpaduan dan Taska Genius Perpaduan mempunyai capaian kelajuan kurang daripada 30 Mbps.** Pecahan capaian internet bagi Tabika Perpaduan dan Taska Genius adalah seperti di Lampiran A.
3. Sebagai inisiatif untuk persediaan mengajar secara dalam talian, Kementerian Perpaduan Negara **telah membekalkan komputer riba kepada semua tenaga pengajar di Tabika Perpaduan Negara dan Taska Genius Perpaduan.**

LAMPIRAN A**MAKLUMAT DATA KELAJUAN INTERNET
TASKA GENIUS PERPADUAN**

BIL	NEGERI	CAPAIAN INTERNET MELEBIHI 30MBPS	CAPAIAN INTERNET KURANG 30MBPS	JUMLAH TP DAN TGP
1	Johor	82	126	208
2	Pulau Pinang	45	74	119
3	Selangor	137	47	184
4	Kuala Lumpur	84	51	135
5	Pahang	129	0	129
6	Kelantan	41	70	111
7	Sabah	18	126	144
8	Perlis	20	19	39
9	Kedah	17	93	110
10	Perak	93	74	167
11	WP Putrajaya	0	9	9
12	Negeri Sembila	41	81	122
13	Melaka	66	2	68
14	Terengganu	37	37	74
15	Sarawak	60	116	176
16	WP Labuan	2	25	27
	JUMLAH	872	950	1822

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 24 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN NO. 80

TUAN AKNAN EHTOOK minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah tindakan Kementerian berkenaan kaedah alternatif yang dicadangkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi Rumah Ibadat Selain Islam yang tidak berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) untuk mendapatkan bantuan penyelenggaraan yang disediakan oleh Kementerian serta apakah kaedah lain yang disediakan oleh Kementerian sekiranya cadangan itu didapati tidak praktikal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dengan persetujuan Kementerian Kewangan (MOF)** telah menyediakan garis panduan yang menetapkan syarat-syarat permohonan Program Bantuan Kewangan Pembaikan, Penyelenggaraan dan Kerja-kerja Kecemasan di Rumah Ibadat Selain Islam

2. Syarat pendaftaran Rumah Ibadat Selain Islam yang boleh dipertimbangkan adalah seperti berikut:
 - a) **Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS)**
ROS mengendalikan pertubuhan-pertubuhan Bukan Kerajaan dan parti politik. Di bawah Seksyen 2, Akta Pertubuhan 1966 menjelaskan mana-mana kelab, perkongsian atau persatuan yang mengandungi tujuh (7) orang atau lebih, tidak kira apa jua jenis dan tujuan, bersifat kekal atau sementara boleh didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di Malaysia termasuklah rumah ibadat selain Islam.

 - b) **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)**
SSM merupakan badan berkanun yang bertindak sebagai agensi pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan.

 - c) **Pemegang Amanah (Trust);**
Merupakan entiti yang didaftarkan sebagai pertubuhan pemerbadanan yang ditubuhkan bagi tujuan agama, pendidikan, kesusasteraan, saintifik, khairat/kebajikan atau sosial. Pemegang amanah yang telah mendapat Sijil Pemerbadanan akan menjadi sebuah pertubuhan perbadanan dan mempunyai suatu meterai am yang tersendiri.

- d) **di bawah undang-undang khusus yang lain seperti:**
- Akta 492: Akta Bishops Roman Catholic (Perbadanan) 1957 (Disemak-1992)
 - Akta 457: Akta Gereja Methodist Malaysia 1955 (disemak-1991)
 - Akta 36: Akta Synod Diocese Malaysia Barat (Perbadanan) 1971)
- e) **lain-lain entiti yang mempunyai kuasa sebagai penaung kepada rumah ibadat berkenaan** contohnya seperti Malaysian Buddhist Association (MBA), Fo Guang Shan (FGS), Buddhist Missionary Society Malaysia (BMSM))

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 28 MAC 2022 (ISNIN)

SOALAN NO. 26

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah impak yang telah diwujudkan hasil daripada program-program MITRA dalam menangani masalah-masalah utama yang membelenggu masyarakat India selama ini dan apakah kaedah penilaian diguna pakai dalam menilai impak program tajaan Kerajaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi meningkatkan status sosioekonomi Masyarakat India B40, **Kementerian Perpaduan Negara telah melaksanakan pelbagai program melalui tiga (3) kluster utama, iaitu:**
 - (i) **Modal Insan,**
 - (ii) **Keusahawanan; dan**
 - (iii) **Kesejahteraan Sosial.**

2. **Seramai 992,406 individu telah menerima manfaat hasil dari pelbagai program latihan yang telah dilaksanakan bagi tahun 2020 dan 2021, iaitu tempoh MITRA di bawah Kementerian Perpaduan.**

JUMLAH PENERIMA MANFAAT BERDASARKAN KLUSTER

BIL.	TERAS	BIL. PROGRAM	PENERIMA MANFAT (INDIVIDU)
1	Modal Insan	43	141,636
2	Keusahawanan	36	31,625
3	Kesejahteraan Sosial	59	819,145
JUMLAH		138	992,406

3. **Bagi memastikan impak program dapat dicapai, tiga (3) buah jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu:**
 - a) **Jawatankuasa Penilaian Program Kementerian Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara bertanggungjawab dalam mempertimbangkan dan meluluskan program-program.**

- b) **Jawatankuasa Pemantauan Program Kementerian Perpaduan Negara yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara bertanggungjawab dalam memantau hasil dan impak program** dicapai sepenuhnya.

- c) **Jawatankuasa Pelaksanaan Program MITRA yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara bertanggungjawab dalam memastikan pelaksanaan program yang diluluskan dilaksanakan mengikut perjanjian** dan mencapai outcome yang disasarkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 29 MAC 2022 (SELASA)**

SOALAN NO. 64

Tuan Aknan Ehtook minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah punca-punca lain yang diperolehi daripada hasil kajian mengenai punca berlakunya polarisasi kaum di negara ini selain daripada dasar bumiputera serta apakah inisiatif yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menangani perkara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama **Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**, sedang melaksanakan **Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)**.
2. IPNas merupakan **indeks kayu pengukur yang memberikan petunjuk tahap kesepaduan nasional** bagi membolehkan Kerajaan mengenalpasti dan merancang strategi, usaha dan program intervensi yang sesuai dengan hasrat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berfikir dan membudayakan perpaduan.
3. Objektif IPNas adalah:
 - (i) Mengukur tahap perpaduan dan keadaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia;
 - (ii) Mengukur tahap keharmonian antara agama di Malaysia; dan
 - (iii) Mencadangkan strategi dan usaha-usaha bagi memantapkan tahap perpaduan di Malaysia berdasarkan hasil dapatan kajian.
4. Selari dengan Dasar Perpaduan Negara dan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** yang merupakan **pelan induk (*master plan*)** pelaksanaan program pengukuhan perpaduan dan integrasi nasional.
5. Pembangunan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 ini melibatkan **sesi konsultasi dan libat urus bersama rakyat di seluruh negara sehingga ke peringkat akar umbi**. Sesi

maklum balas rakyat ini melibatkan seramai **53,417 orang awam** bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan yang dijadikan input kepada pembangunan pelan ini.

6. Pelaksanaan pelan ini pula melibatkan **kerjasama pelbagai Kementerian, agensi Kerajaan, NGO dan swasta** sama ada yang berperanan sebagai **agensi peneraju atau agensi pelaksana**.
7. Melalui pelan induk tersebut, Kementerian telah menghasilkan **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia** bagi memberi tumpuan kepada pelaksanaan program-program dan inisiatif perpaduan di bawah peranan Kementerian Perpaduan Negara.
8. Program-program yang disusun melalui Pelan ini adalah berdasarkan cadangan dan pandangan masyarakat selari dengan konsep Keluarga Malaysia yang menekankan ciri-ciri **Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran** dalam mengukuhkan perpaduan.
9. Pelaksanaan program melalui Pelan ini **menekankan penglibatan rakyat secara inklusif** untuk bersama-sama berganding bahu dalam usaha menyemarak dan memperkukuhkan perpaduan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 29 MAC 2022 (SELASA)

SOALAN NO. 74

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah yang menyebabkan kelewatan dalam membuka aplikasi permohonan dana peruntukan Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (MITRA) dan bukannya kelewatan ini menyebabkan penerima dana tidak dapat menyempurnakan program dalam suatu tempoh masa yang diberi dengan hasil yang diharapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perpaduan Negara telah membuat penambahbaikan Garis Panduan Kewangan MITRA bagi menambahbaik tatacara permohonan dan pelaksanaan program-program untuk mencapai outcome yang ditetapkan.
2. Sebagai langkah penambahbaikan ini, Kementerian Perpaduan Negara juga telah membuat proses menambah baik tatacara permohonan program MITRA secara dalam talian seperti berikut:
 - i. Kesemua proses permohonan akan diterima dan direkodkan secara dalam talian;
 - ii. Ruangan pengisian maklumat permohonan yang disediakan memudahkan pemohon untuk masukkan maklumat dengan lengkap; dan
 - iii. Pemohon (Organisasi) juga akan mendapat keputusan (status) permohonan melalui sistem.
3. Setiap program yang diluluskan oleh Kementerian Perpaduan Negara adalah berdasarkan cadangan tempoh masa yang dikemukakan pemohon. Oleh yang demikian, tempoh masa yang dimuktamadkan dan dipersetujui adalah mencukupi bagi memastikan sesuatu program dapat dilaksanakan sepenuhnya untuk mencapai outcome yang ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN FADHLINA BINTI DATO' SIDEK
TARIKH : 30 MAC 2022 (RABU)

SOALAN NO. 3

Puan Fadhlina binti Dato' Sidek minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- (a) jumlah Tadika Perpaduan bagi tempoh 2019 hingga kini; dan
- (b) usaha-usaha Kerajaan bagi memastikan kewujudan tadika perpaduan di setiap pelusuk daerah bagi memastikan agenda perpaduan dipupuk dalam kalangan generasi muda

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, terdapat sebanyak **1,781 buah Tabika Perpaduan** di seluruh negara dengan jumlah keseluruhan murid berdaftar seramai **37,319 orang**.
2. Objektif penubuhan tabika perpaduan adalah seperti berikut:
 - i. **Membentuk murid yang mempunyai semangat patriotisme dan semangat perpaduan; dan**
 - ii. **Membentuk kemenjadian murid dan memperkembangkan konsep sendiri.**
3. **Bagi pembukaan Tabika Perpaduan yang baru, Kementerian Perpaduan Negara telah menambahbaik kriteria dan syarat penubuhan seperti berikut:**
 - a. **Minimum 200 unit rumah / kediaman atau 500 penduduk dalam kawasan cadangan penubuhan;**
 - b. **Mempunyai premis yang sesuai dan selamat (Kapasiti keluasan kelas memuatkan minimum 25 orang kanak-kanak);**
 - c. **Kawasan yang mempunyai kanak-kanak pelbagai kaum dan pecahan komposisi seperti berikut:**
 - a) 1 kaum : 20%
 - b) 2 kaum dan ke atas : 40%
- a dan b adalah untuk lokaliti pelbagai kaum
 - c) Lokaliti penduduk 1 kaum sahaja akan mendapat 40%

- d. Bilangan kanak-kanak yang **berumur empat (4) tahun hingga enam tahun dalam kawasan tersebut:**
- a) 15-20 orang : 10%
 - b) 21-25 orang : 15%
 - c) 26-30 orang : 20%
4. Untuk itu, **kaji selidik ke atas kecenderungan** ibu bapa berbilang kaum dalam komuniti turut dilaksanakan sebelum memutuskan penubuhan sesebuah Tabika Perpaduan untuk **mengukur keperluan sebenar komuniti setempat.**
5. **Pembukaan sesebuah tabika perpaduan juga adalah dengan mengambil kira kewujudan tabika swasta dan tabika kerajaan yang lain seperti Kementerian Pendidikan dan Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat**
6. Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 pada 24 Julai 2021** bagi memperkukuhkan peranan Tabika Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam usaha memperkembangkan potensi serta melahirkan murid yang mempunyai semangat patriotisme.
7. Pelan ini, **menggariskan enam (6) teras.**
- i. Memantapkan elemen kenegaraan, perpaduan dan nilai murni dalam kurikulum pengajaran dan pembelajaran Tabika Perpaduan;
 - ii. Memantapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP);
 - iii. Memantapkan profesionalisme dan kepakaran guru Tabika Perpaduan;
 - iv. Memantapkan tadbir urus pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan;

- v. Mengukuhkan jalinan kerjasama Tabika Perpaduan bersama komuniti; dan
- vi. Memperkasakan mekanisme pemantauan dan penilaian pengurusan dan pengoperasian Tabika Perpaduan.

Pemantapan profesionalisme dan kepakaran guru Tabika Perpaduan

- 8. Melalui Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan, kualiti dan kepakaran tenaga pengajar dipertingkatkan melalui inisiatif berikut:
 - i. Memastikan semua Guru Tabika Perpaduan mempunyai **kelayakan minimum Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak (DPAKK)**.
 - ii. Sehingga Disember 2021, **seramai 1,574 orang (88%)** daripada 1,781 Guru Tabika Perpaduan memiliki Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Open University Malaysia (OUM).
 - iii. Manakala **baki sejumlah 207 orang (12%) Guru Tabika masih belum memiliki kelayakan tersebut** kerana tidak memenuhi syarat asas untuk mengikuti Diploma Pendidikan Awal Kanak-kanak. **Kementerian Perpaduan Negara telah bekerjasama dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)** untuk memastikan guru-guru ini mempunyai sekurang-kurangnya kelayakan yang setara dengan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.
 - iv. Kursus yang disediakan adalah setara dengan Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak iaitu Program Persijilan Kompetensi Guru Tabika Perpaduan (PPKG).

Pemantapan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

9. Melalui Pelan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tabika Perpaduan juga, Kementerian Perpaduan Negara telah **memperkenalkan program-program baharu di Tabika Perpaduan bagi memastikan pemupukan perpaduan sentiasa dihayati dan dijiwai bermula di peringkat awal persekolahan**. Antara program baharu yang diperkenalkan adalah:

i. **Pengajaran Modul Pendidikan Rukun Negara.**

Murid diberikan pengetahuan dan pemahaman bagaimana prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara boleh diamalkan dalam kehidupan seharian. Bagi tujuan tersebut, **Buku Pendidikan Rukun Negara** telah diperkenalkan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran.

ii. **Pengajaran Elemen Perpaduan dan Nilai-Nilai Murni.**

Elemen perpaduan dan nilai murni diterapkan menerusi buku-buku aktiviti dan Lembaran Kerja bagi setiap mata pelajaran iaitu:

- a) Buku Bahasa Melayu;
- b) Buku Bahasa Inggeris;
- c) Buku Matematik Awal;
- d) Buku Sains Awal; dan
- e) Buku Pendidikan Moral.

iii. **Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa:**

- a) Bahasa Mandarin;
- b) Bahasa Tamil;
- c) Bahasa Kadazan (Sabah);
- d) Bahasa Iban (Sarawak); dan
- e) Bahasa Isyarat.

iv. **Penerapan kemahiran asas Jom Urus Diri**

Bagi memberi pendedahan kepada murid tentang kemahiran asas pengurusan diri di rumah seperti pengurusan tempat tidur dan kemahiran berpakaian. Pengajaran program Jom

Urus Diri akan membolehkan murid meningkatkan kemahiran, kekemasan dan disiplin dalam pengurusan diri.

10. Silibus yang diperkenalkan oleh Kementerian Perpaduan adalah berdasarkan **Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)**.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NORAINI BINTI IDRIS
TARIKH : 31 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN NO. 50

PUAN NORAINI BINTI IDRIS minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan fungsi hakiki Pusat Mediasi Keluarga Malaysia yang diilhamkan oleh Kementerian, dan bagaimanakah fungsi tersebut mampu mewujudkan keharmonian dan kesaksamaan dalam semangat Keluarga Malaysia dalam aspek kehidupan komuniti setempat berbilang kaum yang selama ini berdepan dengan konflik sosial tertentu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mediator Komuniti merupakan pihak ketiga yang **berusaha untuk mencari titik-titik persetujuan yang boleh diterima oleh pihak-pihak yang terlibat di dalam sesuatu konflik sosial.**
2. Sehingga **31 Disember 2021, terdapat seramai 400 orang Mediator Komuniti** di seluruh negara yang telah dilantik seperti di **Lampiran A. Sebanyak 12 Pusat Aktiviti Perpaduan dan 249 Pusat Rukun Tetangga telah dikenalpasti bagi menempatkan mediator untuk menjalankan sesi mediasi.**
3. Pusat Mediasi Keluarga Malaysia atau ***Community Mediation Centre (CMC)*** ditubuhkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sebagai platform bukan litigasi dalam menyelesaikan pertikaian di peringkat komuniti.
4. **Bagi meningkatkan kemahiran Mediator Komuniti, Kementerian Perpaduan Negara** telah mengadakan dua (2) siri kursus seperti berikut:
 - a. Kursus Asas Psikologi dan Kemahiran Kaunseling Universiti Malaya; dan
 - b. Kursus Kefahaman Literasi Undang-Undang Universiti Utara Malaysia
5. Secara umumnya **fungsi hakiki CMC adalah seperti** berikut:
 - i. Menyediakan fasiliti sosial kepada orang awam untuk mendapatkan khidmat Mediasi dan Kaunseling;

- ii. Menyelaraskan pelaksanaan proses Mediasi bersama Mediator Komuniti Perpaduan yang telah ditauliah;
 - iii. Menjalankan program promosi berkaitan Mediasi; dan
 - iv. Menerima dan memproses aduan yang diterima berkenaan dengan aktiviti Mediasi di bawah Pusat CMC.
6. Dengan fungsi-fungsi tersebut, **penubuhan CMC ini sedikit sebanyak akan dapat membantu mewujudkan keharmonian dan kesaksamaan selari dengan semangat Keluarga Malaysia dalam aspek kehidupan komuniti setempat berbilang kaum yang selama ini berdepan dengan konflik sosial.**

LAMPIRAN A**BILANGAN MEDIATOR KOMUNITI MENGIKUT NEGERI DI SELURUH NEGARA**

BIL	NEGERI	JUMLAH
1	SELANGOR	83
2	SABAH	65
3	SARAWAK	9
4	JOHOR	18
5	PERAK	25
6	PAHANG	12
7	PULAU PINANG	49
8	TERENGGANU	12
9	KEDAH	16
10	KELANTAN	12
11	NEGERI SEMBILAN	30
12	W.P KUALA LUMPUR	32
13	MELAKA	8
14	PERLIS	13
15	W.P PUTRAJAYA	13
16	W.P LABUAN	3
JUMLAH KESELURUHAN		400

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
JAWAB LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI
TARIKH : 31 MAC 2022 (KHAMIS)

SOALAN NO. 66

Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- (a) bagaimanakah Kementerian menilai (secara kualitatif dan kuantitatif) semangat perpaduan dalam kalangan rakyat agar ia sentiasa berada pada tahap yang sihat; dan
- (b) senaraikan program yang akan dilaksanakan pada tahun ini dalam memupuk perpaduan melalui pendidikan.

JAWAPAN

1. Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama **Institut Kajian Etnik (KITA) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**, sedang melaksanakan **Kajian Indeks Perpaduan Nasional (IPNas)**.
2. **IPNas merupakan indeks kayu pengukur yang memberikan petunjuk tahap kesepaduan nasional** bagi membolehkan Kerajaan mengenalpasti dan merancang strategi, usaha dan program intervensi yang sesuai dengan hasrat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berfikir dan membudayakan perpaduan.
3. Objektif IPNas adalah:
 - (i) Mengukur tahap perpaduan dan keadaan hubungan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia;
 - (ii) Mengukur tahap keharmonian antara agama di Malaysia; dan
 - (iii) Mencadangkan strategi dan usaha-usaha bagi memantapkan tahap perpaduan di Malaysia berdasarkan hasil dapatan kajian.
4. Kajian IPNas 2021 ini juga telah mengambil kira amalan yang dilaksanakan di dalam dan luar negara. **Kajian perbandingan dan penandaarasan telah dibuat dengan negara-negara seperti New Zealand, Kanada serta Scanlon-Monash Index (SMI) of Social Cohesion di Australia** di mana negara-negara ini turut menggunakan konsep asas yang sama iaitu kesepaduan sosial.
5. Bagi memupuk semangat perpaduan melalui Pendidikan, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif membangunkan **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** yang dilancarkan pada 24 Julai 2021.

6. Pelan ini memberi fokus kepada **penghayatan pendidikan Rukun Negara dan penerapan nilai-nilai murni dalam diri murid** seawal usia 4 hingga 6 tahun.
7. Kementerian Perpaduan Negara juga membuat penambahbaikan dan memperkenalkan program-program baharu dalam memastikan pemupukan perpaduan agar sentiasa dihayati dan dijiwai bermula di peringkat awal persekolahan. Antara program yang dilaksanakan adalah:
 - i. **Program Pengajaran Modul Pendidikan Rukun Negara.**
 - ii. **Program Pengajaran Elemen Perpaduan dan Nilai-Nilai Murni.**
 - iii. **Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa.**
8. Kementerian Perpaduan Negara akan terus melipat gandakan usaha pemupukan perpaduan dalam menyemai benih-benih perpaduan bermula di peringkat awal persekolahan dalam memastikan kelestarian keharmonian, kemakmuran sentiasa terpelihara dalam komuniti.

Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
(SUNGAI SIPUT)
TARIKH : 19 JULAI 2022 (SELASA)

SOALAN NO. 8

Tuan Kesavan A/L Subramaniam minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berdasarkan Dana MITRA RM100 juta yang telah diperuntukkan dalam bajet 2022, berapa peratus dana yang telah disalurkan sehingga Jun 2022.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. MITRA telah diperuntukkan sebanyak RM100 juta untuk tahun 2022.
2. Sehingga Jun 2022, Jawatankuasa Penilai Kementerian Perpaduan Negara telah meluluskan sebanyak RM76.33 juta atau 76.33% yang terdiri daripada 37 Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India B40 yang melibatkan 71,141 penerima manfaat.
3. 37 program tersebut terdiri daripada:
 - i. **10 program** yang bernilai **RM26.95 juta** di bawah kluster Modal Insan;
 - ii. **16 program** yang bernilai **RM19.66 juta** di bawah kluster Keusahawanan;
 - iii. **8 program** yang bernilai **RM28.54 juta** di bawah kluster Sosial; dan
 - iv. **3 program** yang bernilai **RM1.18 juta** di bawah kluster Penyelidikan dan Pembangunan.
4. MITRA telah membuat penyaluran sebanyak RM34.48 juta iaitu 45.17% daripada jumlah kelulusan sehingga Jun 2022.
5. Baki penyaluran sebanyak **RM37.07 juta** sedang dalam tindakan memuktamadkan kontrak sebelum penyaluran peruntukan boleh dilaksanakan. Penyaluran tersebut dapat diselesaikan dalam bulan Ogos 2022.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM
(TAMPIN)
TARIKH : 19 JULAI 2022 (SELASA)

SOALAN NO. 14

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan pelaksanaan Dasar Perpaduan Negara, apakah program yang telah dirangka dan dilaksanakan mencakupi pelbagai segmen masyarakat, sejauh mana keberkesanannya dan apakah ia mendokong nilai Hidup Bersama Secara Aman (peaceful coexistence).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** yang dilancarkan pada **15 Februari 2021** merupakan dokumen dasar yang menjadi halatuju agenda perpaduan nasional.
2. Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030**, yang merupakan **pelan induk** tindakan perpaduan juga telah dihasilkan.
3. Daripada pelan induk tersebut, **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025** telah dibangunkan dengan menyusun program dan gerak kerja secara inklusif dan holistik melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.
4. Pelan ini memberi tumpuan kepada empat (4) dimensi utama iaitu **Karib, Aksesibiliti, Majmuk dan Inklusiviti** yang ringkasnya dinamakan "KAMI" sebagai simbolik kepada nilai kebersamaan dan meraikan perbezaan yang ada dalam Keluarga Malaysia.
5. Daripada KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025, Kementerian Perpaduan Negara telah mengatur **Gerak Kerja 2022** yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat merentasi kaum, agama, peringkat usia dan latar belakang dalam tahun 2022.
6. Tumpuan utama dalam Gerak Kerja 2022 adalah **Program Semarak Uniti Keluarga Malaysia**.
7. **Objektif** program ini untuk memupuk semangat persefahaman dan muhibah antara masyarakat pelbagai kaum di negara ini ke

arah merealisasikan Aspirasi Keluarga Malaysia yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri.

8. Ia melibatkan **pelaksanaan program perpaduan di semua peringkat** iaitu dari peringkat **nasional, negeri, daerah dan komuniti** untuk menyemarakkan semangat muhibah dalam kalangan Keluarga Malaysia.
9. Program ini juga **melibatkan kerjasama strategik bersama Rakan Perpaduan** termasuk:
 - a) Agensi Kerajaan;
 - b) NGO;
 - c) GLC/ Swasta/ Korporat;
 - d) IPTA/IPTS; dan
 - e) KRN & SRN
10. Pengisian Program Semarak Uniti Keluarga Malaysia adalah berdasarkan segmen-segmen seperti berikut:
 - a. Uniti Silang Budaya;
 - b. Uniti Pendidikan;
 - c. Uniti Sukan;
 - d. Uniti Kesenian/Kebudayaan;
 - e. Uniti Komuniti Sejahtera;
 - f. Uniti Ekonomi;
 - g. Rumah KAMI Keluarga Malaysia; dan
 - h. Citarasa Menu Keluarga Malaysia
11. Kejayaan pelaksanaan program di bawah Dasar Perpaduan Negara dan pelan-pelan tindakan dapat dilihat melalui keberkesanan pelaksanaan program yang berjaya menarik penyertaan masyarakat pelbagai kaum dan agama, menepati nilai kebersamaan dalam Aspirasi Keluarga Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
(SEKIJANG)
TARIKH : 25 JULAI 2022 (ISNIN)

SOALAN NO. 4

Puan Hajah Natrah binti Ismail minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- (a) jumlah KRT yang telah dan masih belum memilik kabin pejabat di seluruh negara; dan
- (b) tahap keberkesanan KRT ini dalam mewujudkan integrasi antara kaum di satu-satu kawasan.

JAWAPAN

(a) **jumlah KRT yang telah dan masih belum memiliki kabin pejabat di seluruh negara.**

1. Sehingga **Jun 2022**, terdapat **8,330 KRT** di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **761 KRT memiliki Pusat Rukun Tetangga, 13 KRT memiliki Pusat Aktiviti Perpaduan, 2 KRT memiliki Kompleks Perpaduan dan 470 KRT telah memiliki kabin.**
2. Secara keseluruhan, sebanyak **1,246 KRT yang telah memiliki premis** manakala **7,084 KRT masih belum memiliki premis** sama ada Pusat Rukun Tetangga, Pusat Aktiviti Perpaduan, Kompleks Perpaduan ataupun kabin.
3. Kementerian sedang dalam proses menyediakan reka bentuk kabin yang lebih praktikal untuk kegunaan KRT. Keutamaan akan diberikan kepada **KRT yang aktif dan ditubuhkan lebih 15 tahun** serta tertakluk kepada peruntukan yang diterima.

(b) **tahap keberkesanan KRT dalam mewujudkan integrasi antara kaum di satu-satu kawasan.**

1. Kawasan Rukun Tetangga (KRT) merupakan **sebuah organisasi sukarela** di peringkat komuniti yang diiktiraf sebagai salah satu jentera perpaduan yang menyumbang kepada keselamatan, kesejahteraan dan keharmonian komuniti setempat.
2. Peranan yang dimainkan oleh KRT:
 - i. melaksanakan program yang meningkatkan kualiti hidup dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat setempat;

- ii. memperkasa masyarakat setempat dalam melindungi diri terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana; dan
 - iii. menyediakan pengantaraan untuk mendamai dan menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat.
3. Kementerian telah mengambil inisiatif membangunkan **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030** yang menetapkan tiga (3) objektif iaitu:
 - i. Memperkukuhkan peranan dan tanggungjawab kepimpinan komuniti RT;
 - ii. Memantapkan program perpaduan dan kesejahteraan komuniti RT; dan
 - iii. Meningkatkan penglibatan aktif komuniti dalam aktiviti kesukarelawanan RT.
4. Bagi menterjemahkan pelan ini kepada pelaksanaan program yang lebih tersusun, Kementerian juga telah menghasilkan **Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga atau RT4ALL**. Pelbagai program telah disusun bertujuan meningkatkan kesejahteraan, keselamatan dan keharmonian masyarakat melalui empat (4) Gerak Kerja berikut:
 - i. Gerak Kerja KRT Sejahtera;
 - ii. Gerak Kerja KRT Selamat;
 - iii. Gerak Kerja KRT Bersih dan Indah; dan
 - iv. Gerak Kerja KRT Sihat.
5. Pelbagai program telah disusun di bawah **Agenda Kerja Komuniti Rukun Tetangga** ini antaranya:
 - i. Program Kanta Komuniti
 - ii. Projek Ekonomi Rukun Tetangga

- iii. Pendidikan Keselamatan Kejiranan
 - iv. Mediasi Komuniti
 - v. Program Jom Ronda
 - vi. Kebun Komuniti
 - vii. Kejiranan Hijau
 - viii. Gotong Royong RT4ALL
6. Bagi memastikan Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga dapat melaksanakan tugasnya dengan berkesan merentasi pelbagai lapisan masyarakat, struktur **Jentera Rukun Tetangga** diperkukuhkan dengan penubuhan pasukan berikut:
- i. Skim Rondaan Sukarela;
 - ii. Skwad Uniti;
 - iii. Mediator Komuniti; dan
 - iv. Kelompok Komuniti yng terdiri daripada:
 - Jiran Wanita
 - Jiran Warga Emas
 - Jiran Muda
 - Tunas Jiran
7. Sebagai usaha memperbanyakkan lagi penubuhan KRT di kawasan penempatan penduduk termasuk taman perumahan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Perpaduan Negara telah **menurunkan had jumlah unit rumah di sesuatu kawasan penempatan kepada 1,000 unit daripada 1,500 unit sebelum ini.**
8. Bagi tempoh **2019 hingga Jun 2022**, sebanyak **243,078 aktiviti** telah dilaksanakan dengan penyertaan pelbagai kaum berjumlah **5,759,851 orang**. Ini menunjukkan terdapat **penyertaan dan sambutan yang baik daripada pelbagai kaum dan latar belakang masyarakat** dalam program yang dianjurkan. Perkara ini dapat menyemarakkan semangat perpaduan dan memperkukuhkan integrasi kaum dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN
(RASAH)
TARIKH : 25 JULAI 2022 (ISNIN)

SOALAN NO. 47

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapa dan bagaimanakah peruntukan daripada Kerajaan pusat akan disalurkan kepada setiap kampung baru terutamanya di Negeri Sembilan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peranan dan fungsi Bahagian Kampung Baru Cina telah dipindahkan dari Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ke Kementerian Perpaduan Negara **berkuatkuasa pada 1 Januari 2022**. Pada masa ini terdapat sebanyak **613 buah kampung baru** di seluruh negara.
2. Peruntukan sebanyak **RM7.08 juta** telah disediakan untuk pembangunan **59 buah Kampung Baru Cina di Negeri Sembilan**.
3. Pengagihan peruntukan ini adalah **berdasarkan kepada keperluan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP)**.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pecahan Peruntukan Pembangunan Kampung Baru Tahun 2022

Bil	Program	Jumlah Peruntukan
1	Program Pembangunan Infastruktur (Fizikal)	RM69 juta
2	Program Bantuan Baik Pulih Rumah (PBBPR)	RM5 juta
3	Program Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru (PKBC)	RM10 juta
Jumlah Keseluruhan		RM84 juta

**Jumlah Peruntukan dan Bilangan Projek Pembangunan
Kampung Baru bagi Negeri Sembilan dari tahun 2016 - 2022**

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	KELULUSAN (RM)	BIL. PROJEK DILAKSANAKA N
JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)			
2016	5,700,000	5,086,192	74
2017	5,000,000	4,066,225	56
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)			
2018	5,700,000	2,969,940	35
2019	5,700,000	5,629,822	71
2020	3,700,000	377,550	4
2021	7,080,000	3,752,121	40
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA (KPN)			
2022	7,080,000	0	0

Statistik Menunjukkan Peruntukan Dan Kelulusan Projek Yang Telah Diterima Oleh Kampung Baru Cina di Negeri Sembilan Dari Tahun 2016 - 2022.

Sumber : Bahagian Kampung Baru Cina (BKBC)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
NAIDU (BATU GAJAH)
TARIKH : 25 JULAI 2022 (ISNIN)

SOALAN NO. 83

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah rasional hanya 2 kategori permohonan iaitu pembangunan kemahiran profesional dan keusahawanan serta memperkasakan wanita bagi dana MITRA tahun 2022. Berapa jumlah dana yang telah disalurkan kepada kedua-dua kategori tersebut setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi pelaksanaan pembangunan sosioekonomi masyarakat India B40, MITRA memberi fokus kepada kluster:
 - i. **Modal Insan;**
 - ii. **Keusahawanan dan Kerjaya;** dan
 - iii. **Kesejahteraan Sosial.**

2. Bagi **Kluster Keusahawanan dan Kerjaya**, sebanyak **lapan (8)** program telah diluluskan termasuk program pembangunan kemahiran profesional dan keusahawanan. Di bawah **program pembangunan kemahiran profesional dan keusahawanan** terdapat **empat (4)** kursus yang telah diluluskan seperti berikut:

BIL	NAMA KURSUS	AMAUN
i.	LATIHAN KEMAHIRAN TEKNIKAL	RM200,800.00
ii.	SIJIL PROFESIONAL DALAM PENGGERUDIAN ARAH MENDATAR	RM243,400.00
iii.	PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN KERJAYA BESERTA KEUSAHAWANAN	RM294,600.00
iv.	OFFICE AUTOMATION KNOWLEDGE EXPERT	RM63,072.00
JUMLAH		RM801,872.00

3. Bagi **Kluster Kesejahteraan Sosial**, **satu (1)** program telah diluluskan iaitu program pemerksaan wanita dengan dana bernilai **RM57,550.00.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
(KANGAR)
TARIKH : 25 JULAI 2022 (ISNIN)

SOALAN NO. 92

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapa permohonan projek penyelenggaraan rumah-rumah ibadat selain Islam di negeri Perlis, khususnya di Kangar, yang telah dilaksanakan mengikut tahun dari tahun 2018 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan telah memperuntukkan Geran Kewangan untuk Rumah Ibadat Selain Islam sebanyak RM50 juta dalam belanjawan tahun 2021 dan 2022 bagi kerja-kerja pembaikan, penyelenggaraan dan pembangunan kecil rumah ibadat selain Islam seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)
2021	50,000,000.00
2022	50,000,000.00

1. Permohonan dan pelaksanaan projek penyelenggaraan rumah ibadat selain Islam di negeri Perlis dan Kangar adalah seperti berikut:

Permohonan dan Kelulusan Tahun 2021

Bil	Tahun	Negeri	Daerah	Bil Permohonan	Jumlah Permohonan (RM)	Bil Rumah Ibadat Diluluskan	Jumlah Kelulusan (RM)
1	2021	Perlis	Kangar	6	385,910.00	3	143,800.00
			Arau	3	113,350.00	-	-
			Kuala Perlis	1	64,880.00	-	-
JUMLAH				10	564,140.00	3	143,800.00

Permohonan dan Kelulusan Tahun 2022 (sehingga Julai 2022)

Bil	Tahun	Negeri	Daerah	Bil Permohonan	Jumlah Permohonan (RM)	Bil Rumah Ibadat Diluluskan	Jumlah Kelulusan (RM)
2	2022	Perlis	Kangar	3	365,000.00	2	85,000.00
			Arau	-	-	1	50,000.00
			Kuala Perlis	1	88,567.50	1	49,000.00
JUMLAH				4	453,567.50	4	184,000.00

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATO' SRI HAJAH ROHANI BINTI HAJI
ABDUL KARIM (SUNGAI SIPUT)**
TARIKH : **3 OGOS 2022 (RABU)**

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan bagaimanakah semangat bipartisan dapat dipupuk dan diamalkan di kalangan pemimpin negara berbilang fahaman kerana pemimpin adalah contoh terbaik model perpaduan dan pertelagahan pemimpin mengarah kepada kehancuran negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Terima kasih kepada Yang Berhormat Batang Lular atas soalan yang penting ini. Soalan ini tepat pada masanya pada bulan sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, dan perlu dihayati oleh kita semua.
2. Kementerian Perpaduan Negara adalah peneraju induk agenda perpaduan nasional yang bersifat inklusif. Agenda ini dilaksanakan melalui pelbagai usaha untuk membina dan memperkukuh tapak integrasi sebagai landasan hubungan muhibah dalam kalangan rakyat selari dengan **Aspirasi Keluarga Malaysia**.
3. Untuk itu, **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** telah dihasilkan dengan menetapkan **tiga (3) teras utama** iaitu:
 - i) **Patriotisme dan demokrasi**
Melalui teras ini, usaha-usaha yang dirangka adalah untuk membina rakyat yang celik sejarah, patriotik dan cintakan negara, serta memahami konsep demokrasi.
 - ii) **Identiti nasional**
Matlamat membina sebuah bangsa yang berjaya perlu seiring dengan usaha memperkukuh perpaduan, penyatupaduan dan kesepaduan sosial dalam kepelbagaian etnik dan agama serta kerencaman budaya dan adat resam.
 - iii) **Ekosistem perpaduan**
Sebuah ekosistem yang menyediakan persekitaran dan ruang yang kondusif bagi mencambahkan benih perpaduan dalam masyarakat dengan mengambil kira cabaran, persekitaran dan pengaruh global.
4. Susulan itu, **Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** pula menggariskan anjakan strategik bagi mencapai

objektif yang terkandung di dalam Dasar Perpaduan Negara secara komprehensif.

5. Bagi menterjemahkan strategi yang digariskan, **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** telah dihasilkan sebagai pelan induk yang menyusun pelbagai program melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), pihak swasta dan masyarakat umum.
6. Antara pelan tindakan yang ada ialah:
 - i. **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025:**
Pelan ini menumpukan kepada **pelaksanaan program perpaduan di semua peringkat masyarakat** dari peringkat nasional, negeri, daerah dan komuniti untuk menyemarakkan semangat muhibah dalam kalangan Keluarga Malaysia.
 - ii. **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030:**
Pelan ini bertujuan untuk memperkasa dan memperkukuh lagi peranan kepimpinan Rukun Tetangga sebagai sebuah organisasi sukarela dalam komuniti. Rukun Tetangga juga adalah *touchpoint* yang penting (dengan izin) di barisan hadapan di peringkat akar umbi.
7. Dokumen-dokumen dasar dan pelan tindakan ini juga merupakan panduan dan rujukan untuk kedua-dua pemimpin negara dan jua rakyat. Ia juga membolehkan program-program dalam kalangan masyarakat direncana dan dilaksanakan dengan lebih terancang dan efektif.
8. Sesungguhnya kepimpinan yang terbaik adalah melalui teladan. Dengan penghayatan dan amalan falsafah perpaduan negara ini – terlebih dahulu oleh pemimpin dan seterusnya oleh rakyat – keamanan, keharmonian dan perpaduan rakyat pasti dapat dicapai dengan merentasi dan mengatasi apa jua fahaman, ideologi dan wadah politik. InsyaAllah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR
(POKOK SENA)
TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)

SOALAN NO. 82

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah usaha agresif untuk membina sebuah Keluarga Malaysia yang bebas dari pengaruh sentimen perkauman sempit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menggerakkan agenda perpaduan nasional secara inklusif merentasi pelbagai golongan masyarakat untuk kemakmuran bersama.
2. Agenda ini dilaksanakan selari dengan **Aspirasi Keluarga Malaysia** yang menekankan kepada nilai-nilai Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran.
3. Sehubungan itu, **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** telah dihasilkan dengan menetapkan **tiga (3) teras utama** iaitu:
 - i) Patriotisme dan demokrasi;
 - ii) Identiti nasional; dan
 - iii) Ekosistem perpaduan.
4. **Rangka Tindakan (*Blueprint*) Perpaduan Negara 2021-2030** pula menggariskan anjakan strategik bagi mencapai objektif yang terkandung di dalam Dasar Perpaduan Negara (DPN) secara komprehensif.
5. **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** telah dihasilkan bagi menterjemahkan strategi yang digariskan melalui dokumen dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan. Ia merupakan pelan induk tindakan perpaduan yang menyusun pelbagai program melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum.
6. Bagi memastikan dasar dan pelan tindakan tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan, Kementerian Perpaduan Negara juga telah menghasilkan pelan-pelan tindakan seperti berikut:

- i. **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025;**
dan
 - ii. **Pelan Pemerkasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030.**
7. Melalui KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia, pelbagai program telah disusun di semua peringkat melibatkan peringkat nasional, negeri, daerah dan komuniti untuk menyemarakkan semangat muhibah dalam kalangan Keluarga Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK SERI HAJI MOHD. SALIM SHARIF
(JEMPOL)**

SOALAN NO. 292

mintanya **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh manakah kerjasama dua hala Kementerian bersama Kementerian Pendidikan untuk menyemai dan memupuk semangat perpaduan antara kaum bermula dari peringkat sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerjasama strategik Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi menyemai dan memupuk semangat perpaduan bermula dari peringkat pendidikan pra-sekolah.
2. **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** telah dibangunkan bagi memperkukuhkan peranan Tabika Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam memperkembangkan potensi serta melahirkan murid yang mempunyai semangat cintakan negara dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.
3. Antara inisiatif yang digariskan dalam pelan ini ialah:
 - i. **Pengajaran Modul Pendidikan Rukun Negara.**

Murid diberikan pengetahuan dan pemahaman bagaimana prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara boleh diamalkan dalam kehidupan seharian. Bagi tujuan tersebut, **Buku Pendidikan Rukun Negara** telah diperkenalkan dalam sistem pengajaran dan pembelajaran.
 - ii. **Pengajaran Elemen Perpaduan dan Nilai-Nilai Murni.**

Elemen perpaduan dan nilai murni diterapkan menerusi buku-buku aktiviti dan Lembaran Kerja bagi setiap mata pelajaran iaitu:

 - a) Buku Bahasa Melayu;
 - b) Buku Bahasa Inggeris;
 - c) Buku Matematik Awal;
 - d) Buku Sains Awal; dan
 - e) Buku Pendidikan Moral.

iii. Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa:

- a) Bahasa Mandarin;
- b) Bahasa Tamil;
- c) Bahasa Kadazan (Sabah);
- d) Bahasa Iban (Sarawak); dan
- e) Bahasa Isyarat.

iv. Penerapan kemahiran asas Jom Urus Diri

Bagi memberi pendedahan kepada murid tentang kemahiran asas pengurusan diri di rumah seperti pengurusan tempat tidur dan kemahiran berpakaian. Pengajaran program Jom Urus Diri akan membolehkan murid meningkatkan kemahiran, kekemasan dan disiplin dalam pengurusan diri.

- 4. Bagi tujuan memastikan inisiatif-inisiatif pembaharuan di Tabika Perpaduan dilaksanakan dengan baik, **Sistem Naziran diwujudkan** dengan memfokuskan **tiga (3) dimensi** penilaian seperti berikut:
 - i. Dimensi Kualiti Guru;
 - ii. Dimensi Kurikulum; dan
 - iii. Dimensi Pentadbiran.
- 5. Kementerian Perpaduan Negara juga menggunakan **Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)** yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memperkembangkan potensi murid seawal usia empat (4) hingga enam (6) tahun secara holistik dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.
- 6. Bagi meningkatkan tahap perpaduan **di peringkat sekolah**, usaha berterusan melalui pendidikan dan penghayatan Rukun Negara telah dirancang dan dilaksanakan bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui **Kelab Rukun Negara (KRN)**. Sehingga 30 Jun 2022, terdapat **6,843 KRN** di seluruh negara
- 7. Manakala di peringkat institut pengajian tinggi (IPT), kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) diperkukuhkan bagi menjayakan **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** sebagai **tapak**

integrasi perpaduan dalam kalangan **pelajar** IPT. Sehingga 30 Jun 2022, terdapat **187 SRN** di seluruh negara.

8. Kementerian Perpaduan Negara sedang **memantapkan modul pengurusan dan program KRN serta SRN** dengan kerjasama KPM dan KPT bagi tujuan berikut:
 - i. Menarik minat lebih ramai pelajar dari pelbagai kaum menyertai KRN dan SRN;
 - ii. Memperkukuh pemahaman dan penghayatan pendidikan Rukun Negara; dan
 - iii. Mengukuhkan jaringan kerjasama antara pelajar dengan masyarakat dan rakan perpaduan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD BIN YAHAYA
TARIKH : 8 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN NO. 41

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan tindakan jangka panjang yang diambil bagi membenteras isu penghinaan terhadap agama, kaum dan bangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif menggerakkan agenda perpaduan nasional secara inklusif merentasi pelbagai golongan masyarakat untuk kemakmuran bersama.
2. Agenda ini dilaksanakan selari dengan **Aspirasi Keluarga Malaysia** yang menekankan kepada nilai-nilai Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran.
3. Sehubungan itu, **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** telah dihasilkan dengan menetapkan **tiga (3) teras utama** iaitu:
 - i) Patriotisme dan demokrasi;
 - ii) Identiti nasional; dan
 - iii) Ekosistem perpaduan.
4. Dengan penghasilan dokumen dasar dan pelan tindakan ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI
MUSA
TARIKH : 9 OGOS 2022 (SELASA)

SOALAN NO. 14

Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah program-program Kementerian dalam memupuk semangat perpaduan antara kaum di negara ini sejak dari usia muda bermula pra-sekolah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Bagaimanakah keberkesanan program-program itu dinilai dari segi membuktikan perpaduan kaum berjaya tercapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara (KPN) sentiasa mengadakan kerjasama strategik dalam usaha untuk memastikan pencapaian agenda perpaduan melalui pendidikan.
2. **Bermula di peringkat prasekolah**, Kementerian Perpaduan Negara telah mengambil inisiatif membangunkan **Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030** yang memberi fokus kepada penghayatan pendidikan **Rukun Negara** dan **penerapan nilai-nilai murni** dalam diri murid seawal usia 4 hingga 6 tahun.
3. KPN juga membuat penambahbaikan dan memperkenalkan program-program baharu dalam memastikan pemupukan perpaduan agar sentiasa dihayati dan dijiwai bermula di peringkat awal persekolahan. Antara program yang dilaksanakan adalah:

- i. **Program Pengajaran Modul Pendidikan Rukun Negara.**

Murid diberikan pengetahuan dan pemahaman bagaimana prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara boleh diamalkan dalam kehidupan seharian. Bagi tujuan tersebut, **Buku Pendidikan Rukun Negara** telah diperkenalkan.

- ii. **Program Pengajaran Elemen Perpaduan dan Nilai-Nilai Murni.**

Program yang berasaskan **elemen perpaduan dan nilai murni menerusi setiap buku aktiviti** yang diterjemahkan menerusi gambar-gambar seperti masyarakat berbilang kaum, pakaian tradisional dan alatan permainan tradisional.

- iii. **Pengajaran Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa.**

Pengajaran asas **Bahasa Mandarin, Bahasa Tamil, Bahasa Kadazan dan Bahasa Iban** juga diperkenalkan di Tabika

Perpaduan. Selain daripada itu pengajaran bahasa isyarat juga di perkenalkan untuk membolehkan murid Tabika Perpaduan boleh berkomunikasi dengan rakan OKU mereka dalam komuniti.

4. Kementerian Perpaduan Negara juga menggunakan **Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK)** yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memperkembangkan potensi murid seawal usia empat (4) hingga enam (6) tahun secara holistik dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.
5. Kementerian juga telah menubuhkan pasukan Naziran bagi melaksanakan penilaian terhadap keberkesanan program pendidikan prasekolah yang memberi tumpuan kepada tiga (3) dimensi iaitu:
 - a) Dimensi Kualiti Guru;
 - b) Dimensi Kurikulum; dan
 - c) Dimensi Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan.
6. Manakala bagi meningkatkan tahap perpaduan **di peringkat sekolah**, usaha berterusan melalui pendidikan dan penghayatan Rukun Negara telah dirancang dan dilaksanakan bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui **Kelab Rukun Negara (KRN)**. Sehingga 30 Jun 2022, terdapat **6,843 KRN** di seluruh negara
7. Di peringkat **institut pengajian tinggi (IPT)**, kerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) diperkukuhkan bagi menjayakan **Sekretariat Rukun Negara (SRN)** sebagai **tapak integrasi perpaduan** dalam kalangan **pelajar IPT**. Ia juga merupakan **medium dinamik** dalam usaha **penyatupaduan, pengukuhan jati diri** dan **pemantapan nilai murni** dalam diri pelajar. Sehingga 30 Jun 2022, terdapat **187 SRN** di seluruh negara.
8. Bagi meningkatkan keberkesanan program, Kementerian Perpaduan Negara sedang **memantapkan modul pengurusan dan program KRN serta SRN** dengan kerjasama KPM dan KPT bagi tujuan berikut:

- i. Menarik minat lebih ramai pelajar dari pelbagai kaum menyertai KRN dan SRN;
- ii. Memperkukuh pemahaman dan penghayatan pendidikan Rukun Negara; dan
- iii. Mengukuhkan jaringan kerjasama antara pelajar dengan masyarakat dan rakan perpaduan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK MOHAN A/L THANGARASU
TARIKH : 10 OGOS 2022 (RABU)

SOALAN NO. 14

Datuk Mohan a/l Thangarasu minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan secara terperinci perkembangan terkini Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) yang telah dibangunkan dan adakah Kerajaan komited dalam melaksanakan program-program yang dirancang tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia telah melaksanakan kajian bagi tujuan menghasilkan **Pelan Tindakan Masyarakat India (PTMI) 2022-2026** untuk memperkasakan masyarakat India dan melahirkan komuniti yang berdaya saing selaras dengan Aspirasi Keluarga Malaysia.
2. Pelan ini merupakan pelan tindakan kepada **Malaysian Indian Blueprint (MIB)** yang telah dihasilkan pada tahun 2017.
3. Pelan Tindakan Masyarakat India 2022-2026 dirangka berdasarkan **lima (5) Tunjang** seperti berikut:
 - a) **Tunjang 1: Memperkasakan Keperluan Asas**
 - b) **Tunjang 2: Meningkatkan Kemenjadian Setiap Kanak-kanak**
 - c) **Tunjang 3: Menaik taraf Ekonomi & Keusahawanan**
 - d) **Tunjang 4: Memperkasakan Keterangkuman Sosial**
 - e) **Tunjang 5: Memperkasakan Wanita Ke Arah Kesaksamaan Gender**
4. Berdasarkan laporan kajian yang dikemukakan oleh pihak pakar perunding Universiti Sains Malaysia (USM), Kementerian Perpaduan Negara sedang melaksanakan **sesi libat urus** bersama pihak-pihak berkaitan untuk mendapatkan maklum balas bagi memastikan Pelan yang dihasilkan ini mencapai matlamat dan keberhasilannya.
5. Pihak Kementerian juga sedang **menyediakan kertas Jemaah Menteri** berhubung Pelan Tindakan Masyarakat India dengan mengambilkira cadangan dan maklum balas yang diterima daripada semua pihak yang terlibat dalam sesi libat urus tersebut.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : BALASUBRAMANIAM /L NACHIAPPAN
TARIKH : 10 OGOS 2022 (RABU)

SOALAN NO. 20

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam menangani isu ketegangan kaum dan agama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Perpaduan Negara memainkan peranan sebagai peneraju dalam menggerakkan agenda perpaduan nasional secara inklusif merentasi pelbagai golongan masyarakat hingga ke akar umbi.
2. Agenda ini dilaksanakan secara holistik dan inklusif selari dengan **Aspirasi Keluarga Malaysia** yang menekankan kepada nilai-nilai Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran.
3. Untuk itu, **Dasar Perpaduan Negara (DPN)** telah dihasilkan dengan menetapkan **tiga (3) teras utama** iaitu:
 - i) Patriotisme dan demokrasi;
 - ii) Identiti nasional; dan
 - iii) Ekosistem perpaduan.
4. Dengan penghasilan dokumen dasar ini, agenda perpaduan dapat dilaksanakan dengan lebih terancang dan tersusun melalui kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan dapat dicapai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AKNAN EHTOOK
TARIKH : 15 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN NO. 25

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah halangan terhadap pelaksanaan usaha memupuk budaya toleransi dalam kalangan rakyat Malaysia dan apakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan usaha ini dan usaha-usaha lain seperti yang terkandung dalam Pelan Tindakan Perpaduan Negara tercapai sasarannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai komitmen Kerajaan dalam mengekalkan keharmonian dan perpaduan antara kaum, Kementerian Perpaduan Negara telah menghasilkan **Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 merupakan pelan induk** (*master plan*) yang menggariskan program-program di bawah agenda perpaduan melibatkan pelbagai agensi sama ada yang berperanan sebagai peneraju atau pelaksana kepada program-program tersebut.
2. Selain itu, Kementerian Perpaduan Negara turut membangunkan pelan-pelan pelaksanaan khusus bagi memantapkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti perpaduan dari peringkat kanak-kanak sehingga ke dewasa melalui permerkasaan jentera-jentera perpaduan. Pelan-pelan pelaksanaan tersebut adalah:
 - i. **Pelan Pemerikasaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga 2021-2030;**
 - ii. **Pelan Pemerikasaan Pendidikan Awal Kanak-kanak Tabika Perpaduan 2021-2025;**
 - iii. **Modul Pengurusan dan Program Sekretariat Rukun Negara (SRN) dan Kelab Rukun Negara (KRN); dan**
 - iv. **Pelan Pemerikasaan NGO Perpaduan.**
3. Sebagai menyokong **Aspirasi Keluarga Malaysia**, Kementerian Perpaduan Negara telah membangunkan **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025** yang merupakan inisiatif berfokus dalam meraikan kepelbagaian di negara ini.

4. Daripada KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025, Kementerian Perpaduan Negara telah mengatur **Gerak Kerja 2022** yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat merentasi kaum, agama, peringkat usia dan latar belakang dalam tahun 2022.
5. Tumpuan utama dalam Gerak Kerja 2022 adalah **Program Semarak Uniti Keluarga Malaysia** dengan **objektif** program ini untuk memupuk semangat persefahaman dan muhibah antara masyarakat pelbagai kaum di negara ini ke arah merealisasikan Aspirasi Keluarga Malaysia yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri.
6. Ia melibatkan **pelaksanaan program perpaduan di semua peringkat** iaitu dari peringkat **kebangsaan, negeri, daerah dan komuniti** untuk menyemarakkan semangat muhibah dalam kalangan Keluarga Malaysia.
7. Kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi dalam pelaksanaan dasar dan pelan tindakan ini amat penting bagi memastikan usaha memupuk budaya toleransi dan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat dapat dicapai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN FADHLINA BINTI DATO' SIDEK
TARIKH : 15 OGOS 2022 (ISNIN)

SOALAN NO. 85

mintanya **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan usaha-usaha Kerajaan bagi memastikan formula Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan dapat diterjemahkan secara komprehensif dalam menangani isu-isu pergeseran perkauman dalam negara dan seterusnya memperkukuh perpaduan dengan lebih kukuh.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Dasar Perpaduan Negara (DPN) dan Rangka Tindakan (Blueprint) Perpaduan Negara 2021-2030** yang dilancarkan pada **15 Februari 2021** merupakan dokumen dasar yang menjadi halatuju agenda perpaduan nasional.
2. Dasar Perpaduan Negara (DPN) adalah payung utama kepada agenda perpaduan nasional yang **bertunjangkan kepada Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara** dengan menekankan tiga (3) teras utama iatu:
 - a. Patriotisme dan demokrasi;
 - b. Identiti nasional; dan
 - c. Ekosistem perpaduan negara.
3. Bagi menterjemahkan dasar tersebut ke dalam bentuk pelaksanaan, **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021-2030** yang merupakan **pelan induk** tindakan perpaduan juga telah dihasilkan.
4. Daripada pelan induk tersebut, **KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025** telah dibangunkan dengan menyusun program dan gerak kerja secara inklusif dan holistik melibatkan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan (NGO), swasta dan masyarakat umum bagi tujuan memperkasakan agenda perpaduan dalam negara.
5. Pelan ini memberi tumpuan kepada empat (4) dimensi utama iaitu **Karib, Aksesibiliti, Majmuk dan Inklusiviti** yang ringkasnya dinamakan "KAMI" sebagai simbolik kepada nilai kebersamaan dan meraikan perbezaan yang ada dalam Keluarga Malaysia.
6. Daripada KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025, Kementerian Perpaduan Negara telah mengatur **Gerak Kerja 2022** yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan masyarakat merentasi kaum, agama, peringkat usia dan latar belakang dalam tahun 2022.

7. Tumpuan utama dalam Gerak Kerja 2022 adalah **Program Semarak Uniti Keluarga Malaysia** dengan **objektif** program ini untuk memupuk semangat persefahaman dan muhibah antara masyarakat pelbagai kaum di negara ini ke arah merealisasikan Aspirasi Keluarga Malaysia yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri.
8. Ia melibatkan **pelaksanaan program perpaduan di semua peringkat** iaitu dari peringkat **kebangsaan, negeri, daerah dan komuniti** untuk menyemarakkan semangat muhibah dalam kalangan Keluarga Malaysia.
9. Pengisian Program Semarak Uniti Keluarga Malaysia adalah berdasarkan segmen-segmen seperti berikut:
 - a. Uniti Silang Budaya;
 - b. Uniti Pendidikan;
 - c. Uniti Sukan;
 - d. Uniti Kesenian/Kebudayaan;
 - e. Uniti Komuniti Sejahtera;
 - f. Uniti Ekonomi;
 - g. Rumah KAMI Keluarga Malaysia; dan
 - h. Citarasa Menu Keluarga Malaysia
10. Kerjasama dan kesepakatan daripada semua golongan masyarakat tanpa mengira fahaman dan ideologi dalam pelaksanaan dasar dan pelan tindakan ini amat penting bagi memastikan keamanan, keharmonian dan perpaduan rakyat dapat dicapai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG
TARIKH : 16 OGOS 2022 (SELASA)

SOALAN NO. 68

Minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan status perkembangan bagi pelaksanaan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 sehingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. **Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2021 – 2030** telah dibangunkan dan dilancarkan pada 27 November 2021 dengan matlamat untuk menegenahkan semula cita-cita asal perpaduan yang tersurat dalam Rukun Negara.
2. **Sebanyak 57 program dan tindakan khusus di dalam Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021 - 2030** yang melibatkan 55 buah agensi Kerajaan termasuk yang memainkan peranan sebagai agensi peneraju dan agensi pelaksana.
3. Daripada Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030, **KAMI@Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025** telah dihasilkan dengan menyusun program dan gerak kerja yang diterajui oleh Kementerian Perpaduan Negara bagi tempoh lima (5) tahun.
4. Berdasarkan KAMI @Pelan Perpaduan Keluarga Malaysia 2021-2025, Kementerian Perpaduan Negara telah menyusun **Gerak Kerja 2022** melibatkan pelaksanaan program yang disertai pelbagai lapisan masyarakat.
5. **Program Semarak Uniti Keluarga Malaysia** merupakan program utama dalam Gerak Kerja 2022 dengan objektif bagi memupuk semangat persefahaman dan muhibah di kalangan masyarakat pelbagai kaum selari dengan Aspirasi Keluarga Malaysia.
6. Program ini merangkumi **pelaksanaan program perpaduan di semua peringkat** melibatkan peringkat **kebangsaan, negeri, daerah dan komuniti** untuk menyemarakkan semangat muhibah dalam kalangan Keluarga Malaysia.
7. Pelaksanaan program yang dirangka melalui Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2030 memerlukan kerjasama daripada semua pihak tanpa mengira fahaman dan ideologi bagi mendokong semangat perpaduan sebagai budaya hidup yang dihayati dan diamalkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
DEWAN NEGARA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : PUAN NORAINI BINTI IDRIS**

SOALAN NO. 112

Puan Noraini binti Idris minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan aspek-aspek pembangunan yang telah diberi nilai tambah ke arah meningkatkan mutu penyampaian pengajaran dan pembelajaran di tadika perpaduan di negeri Sabah lebih-lebih lagi yang melibatkan penyediaan infrastruktur asas yang meliputi capaian internet serta peranti digital.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Sehingga kini terdapat 1,781 Tabika Perpaduan di seluruh negara dengan jumlah keseluruhan murid seramai 37,024 orang. Manakala di Negeri Sabah adalah sebanyak 142 Tabika Perpaduan dengan bilangan murid seramai 3,062 orang.
2. Pada 24 Julai 2021, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 yang mana matlamatnya adalah untuk memantapkan peranan Tabika Perpaduan sebagai institusi pendidikan awal kanak-kanak dalam memperkembangkan potensi dan melahirkan murid yang mempunyai semangat patriotisme dan mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.
3. Di bawah Pelan Pendidikan Awal Kanak-Kanak Tabika Perpaduan 2021-2030 ini, **10 inisiatif baharu diperkenalkan** selain program-program sedia ada yang diteruskan dengan dibuat penambahbaikan. **Inisiatif baharu yang akan dilaksanakan adalah:**

(i) **Modul Pendidikan Rukun Negara**

Modul Pendidikan Rukun Negara diperkenalkan dalam pengajaran dan pembelajaran Tabika Perpaduan bertujuan memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara di peringkat awal usia kanak-kanak.

(ii) **Modul Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa**

Kementerian Perpaduan Negara turut memperkenalkan modul Komunikasi Asas Pelbagai Bahasa di Tabika Perpaduan iaitu:

- a. Bahasa Mandarin dan Bahasa Tamil di semua Tabika Perpaduan di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan;

- b. Bahasa Kadazan di semua Tabika Perpaduan di Sabah; dan
- c. Bahasa Iban di semua Tabika Perpaduan di Sarawak.

Pengajaran bahasa isyarat juga di perkenalkan kepada semua Tabika Perpaduan Selain daripada itu pengajaran bahasa isyarat juga di perkenalkan untuk membolehkan murid Tabika Perpaduan boleh berkomunikasi dengan rakan OKU mereka dalam komuniti.

(iii) **Modul Kemahiran Jom Urus Diri**

Program ini memberi **pendedahan kepada murid tentang kemahiran asas pengurusan diri di rumah**. Pengajaran program Jom Urus Diri akan membolehkan murid meningkatkan kemahiran, kekemasan dan disiplin dalam pengurusan diri.

(iv) **Buku Aktiviti Tabika Perpaduan Dan Lembaran Kerja**

Kementerian Perpaduan Negara telah menerbitkan **buku khusus** yang akan digunakan kepada semua murid Tabika Perpaduan dalam program Pengajaran dan Pembelajaran di Tabika Perpaduan. Buku tersebut telah diterapkan dengan elemen kenegaraan, perpaduan dan nilai murni.

Bagi memastikan proses Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) yang dijalankan mencapai impak yang ditetapkan, pengukuhan dilaksanakan melalui pelaksanaan aktiviti menggunakan Lembaran Kerja yang disediakan bagi setiap mata pelajaran.

(v) **Modul Kursus Dan Latihan Guru Tabika Perpaduan**

Kursus dan latihan bagi peningkatan pengetahuan, kompetensi dan kemahiran yang lengkap merangkumi keseluruhan bidang tugas guru disediakan sebagai usaha memastikan guru Tabika Perpaduan memiliki pengetahuan, kompetensi dan kemahiran yang diperlukan sesuai dengan persekitaran dan kehendak semasa.

(vi) **Buku Panduan Pengajaran Tahunan Mingguan / Harian Tabika Perpaduan**

Buku Panduan Pengajaran Tahunan / Mingguan / Harian Tabika Perpaduan berasaskan kepada Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) akan menjadi garis panduan kepada guru-guru Tabika Perpaduan untuk merancang dan melaksanakan aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan lebih teratur dan sistematik di semua Tabika Perpaduan.

(vii) **Buku Pentaksiran Pengajaran Harian / Bulanan Tabika Perpaduan**

Dokumen pentaksiran berasaskan buku panduan Pengajaran Tahunan / Mingguan / Harian turut disediakan sebagai panduan kepada guru Tabika Perpaduan melaksanakan pentaksiran secara harian dan bulanan.

(viii) **Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan**

Buku Pengurusan dan Pentadbiran Tabika Perpaduan bertujuan untuk memberikan maklumat dan panduan pengurusan dan pentadbiran yang jelas kepada guru dan semua yang terlibat dalam memastikan pengoperasian Tabika Perpaduan diurus secara berkesan.

(ix) **Unit Naziran Tabika Perpaduan**

Unit Naziran telah diwujudkan di peringkat Kementerian bagi memantau dan penilaian kualiti Tabika Perpaduan.

(x) **Imej Dan Identiti Tabika Perpaduan**

Pemantapan imej dan identiti adalah melalui pengenalan logo dan pakaian seragam Tabika Perpaduan serta keseragaman warna bangunan dan kelas Tabika Perpaduan di seluruh negara.

4. Kementerian Perpaduan Negara juga telah membekalkan komputer kepada semua tenaga pengajar di Tabika Perpaduan di Negeri Sabah sebagai inisiatif kepada guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara digital kepada semua murid Tabika Perpaduan.